

Periksa 28 kali



Johary (kiri) memeriksa kilang minuman ringan di Bandar Enstek, Nilai, semalam.

Oleh Hasbi Sidek
mohd.hasbi@hmetro.com.my

BAHAGIAN Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan melakukan 28 pemeriksaan di negeri ini sebagai persediaan menghadapi kemungkinan kenaikan harga barangan pengguna susulan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP).

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Negeri Sembilan Johary Yacob berkata, pemeriksaan di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit itu bagi mengumpul maklumat harga sebelum pelaksanaan PSP.

"Pelaksanaan PSP pada 1 Januari depan berkemungkinan memberi impak secara tidak langsung kepada pengguna selain kenaikan kos pengangkutan yang memberi implikasi kenaikan harga sama ada secara langsung atau sebaliknya.

"Sejak 2 Disember lalu, kami melaksanakan Op Catut 6.0 PSP melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Akhap) 2011 dan sehingga hari ini (semalam), 28 pemeriksaan dijalankan," katanya selepas pemeriksaan di kilang minuman ringan di Bandar Enstek, di sini, semalam.

Beliau berkata, 98 pegawai KPDNHEP Negeri Sembilan terbabit dalam pelaksanaan Op Catut 6.0 PSP yang berakhir pada 30 Jun 2020.

"Objektifnya untuk memantau kenaikan harga barang sebelum dan ketika pelaksanaan PSP. Ia bertujuan membendung kenaikan harga secara mendadak dan memastikan sebarang kenaikan dibuat mengikut perundangan.

"Kami memeriksa semua peringkat rangkaian pengeluaran dan pengedaran bermula daripada pengilang, pengedar, pemasar am, pemborong sehingga ke peringkat peruncit.

"Operasi disasarkan ke atas barangan dalam kategori makanan dan minuman, barangan isi rumah, peralatan elektrik, perabot, tekstil serta kasut," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 20 Disember 2019 @ 6:30 AM

